

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 33

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kita akan dapat mencapai sasaran 90% tenaga guru mengajar di Sarawak adalah anak jati Sarawak menjelang tahun 2020. Berapa ramaikah anak jati Sarawak yang telah memohon untuk berpindah balik ke Sarawak dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapa ramaikah yang telah berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha untuk mencapai sasaran 90 peratus tenaga guru mengajar di Sarawak adalah anak jati Sarawak menjelang tahun 2020. Sehingga 26 Februari 2019, terdapat seramai 41,549 guru yang sedang berkhidmat di Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 87 peratus (36,026) merupakan guru kelahiran Sarawak manakala 13 peratus (5,624) adalah guru bukan kelahiran Sarawak.

KPM ingin memaklumkan bahawa dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2015 hingga 2019, sebanyak 841 permohonan anak jati Sarawak yang memohon ke Sarawak telah berjaya dilaksanakan. Bagi tahun 2015 hingga 2019, permohonan anak jati Sarawak yang memohon ke Sarawak yang telah diluluskan masing-masing adalah sebanyak 177 (Tahun 2015), 198 (tahun 2016), 201 (tahun 2017), 129 (tahun 2018), dan 136 (tahun 2019).